

## Bahagian A

### Jawab Soalan 1.

1. Berikan keterangan ringkas di bawah:

- a. demokrasi elitis (Weber)
- b. demokrasi liberal
- c. kemerosotan politik (Huntington)
- d. kelas menengah
- e. negara perusahaan baru.

## Bahagian B

### Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Huraikan konsep “penaungan berdasarkan parti politik”. Apakah bezanya dengan konsep “ikatan penaung-dinaung” yang sering digunakan oleh para antropologi? Berikan beberapa kes konkret tentang penaungan parti politik di Malaysia.
3. Max Weber merupakan ahli sains sosial utama yang meneliti fenomena “birokrasi moden”. Menurutnya, apakah usul-usul sistem birokrasi moden ini? Dari sudut pandangan yang mana birokrasi ini mempunyai “kelebihan teknikal”? Adakah birokrasi moden ini mendorong ke arah kemunculan satu sistem politik yang lebih demokratik ataupun sebaliknya?
4. “Dengan menumpu perhatian pada faktor ekonomi, sarjana-sarjana yang menggunakan perspektif pergantungan menjelaskan kekurangan pendekatan modenisasi yang memberi keutamaan pada faktor budaya. Namun, perspektif pergantungan ini masih mengandungi kekurangan tersendiri.” Bincangkan.
5. Jelaskan ide-ide utama tentang hubungan antara pemerintah dan masyarakat umum dalam teori elitis Mosca dan Pareto. Bagaimanakah teori Mosca dan Pareto ini berbeza dari teori demokrasi liberal? Apakah bezanya pula dari teori Marx?
6. Menurut C. Geertz, konflik perkauman yang sering berlaku di negara-negara sedang membangun adalah disebabkan “sentimen-sentimen primordial”. Apakah yang dimaksudkan dengan sentimen-sentimen ini? Mengapakah sentimen-sentiman ini semakin meningkat? Menurut pandangan Geertz lagi, bagaimana pula sentimen-sentimen primordial ini dapat dikawal dan konflik perkauman dielakkan?